

# CUEPACS DIINGAT JANGAN TERLALU TARUH HARAPAN

UM: 26 SEP 1999

**K**UALA LUMPUR 27 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan CUEPACS dan Majlis Bersama Kebangsaan supaya jangan terlalu menaruh harapan terhadap tuntutan mereka kerana kerajaan tidak mempunyai keupayaan lagi.

Perdana Menteri menegaskan bahawa kerajaan sedar tentang tanggungjawabnya kepada rakyat dan dalam menjalankan kewajibannya itu ia terpaksa juga menjaga kebajikan rakyat dari golongan lain yang bukan kakitangan awam. Tegasnya, kerajaan tidak suka jika berlaku mogok atau konfrontasi di dalam isu ini.

“Ancaman juga tidak akan menyebabkan kerajaan memenuhi tuntutan yang dibuat. “Adalah salah jika pihak kesatuan fikir tuntutan mereka akan dipenuhi melalui ancaman dan ugutan,” tegas beliau ketika bercakap kepada para pemberita semasa jamuan teh di Perhimpunan Agung UMNO petang ini.

Katanya, kerajaan hanya menjalankan tanggungjawabnya kepada rakyat yang meliputi bukan sahaja ahli kesatuan tetapi golongan rakyat yang lain. Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, dalam menjalankan kewajibannya kestabilan ekonomi dan politik negara tidak harus diganggu - gugat kerana jika ini berlaku, ia akan mengurangkan lagi keupayaan bagi pihak kerajaan.

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak mempunyai sebarang pilihan yang lain dalam isu ini.

Beliau menambah masalah berhubung dengan tuntutan gaji kakitangan awam dan kedudukan ekonomi sebenarnya

adalah masalah negara dan bukan masalah kerajaan sahaja. “Kerajaan hanya menguruskan kewangan negara tetapi wang tersebut dipunyai oleh rakyat. Oleh itu sudah tentu kita tidak boleh mengambil wang - wang tersebut untuk memberi satu pihak sahaja,” kata beliau. Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa kerajaan telah pun menyatakan kesanggupannya untuk

membelanjakan tambahan sejumlah \$300 juta setahun untuk peruntukan gaji kakitangan awam tetapi pemberian tersebut nampaknya tidak dihargai.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa beliau mungkin tidak akan bersedia menemui pihak kesatuan lagi jika mereka teruskan ugutan dan ancaman dengan rancangan untuk mengadakan piket dan mogok. Perdana Menteri

menambah, beliau tidak bertujuan mengancam sesiapa dalam perkara ini,” tetapi adalah aneh jika pada suatu masa mereka kata mereka mahu piket dan mogok manakala pada masa yang lain mereka datang berjumpa saya.” Katanya, beliau tidak boleh bertindak atas sebarang ugutan. Menjawab satu pertanyaan, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau sanggup menemui pemimpin - pemimpin

kesatuan sekerja jika mereka menghentikan ugutan tetapi menurutnya pertemuan tersebut juga tidak mempunyai apa - apa pengertian.

Menjelaskan kedudukan kewangan negara, beliau berkata kerajaan boleh meminjam untuk melaksanakan sesuatu projek tetapi “kerajaan tidak boleh membuat pinjaman semata - mata untuk memberi makan setiap hari.”